

23/08/2003

Mengatur strategi hadapi pemimpin baru Singapura

Prof Madya Dr Azmi Hassan

PERALIHAN pucuk pimpinan untuk dua negara berjiran iaitu Malaysia dan Singapura berlaku bagaikan sudah ada perjanjian di antara dua ketua kerajaan yang ada sekarang.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melepaskan jawatan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Oktober ini.

Satu senario yang tidak begitu memeranjatkan kerana sejak Abdullah memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, rakyat Malaysia telah menjangka bahawa beliau adalah paling layak menggantikan Dr Mahathir.

Bagi kes Singapura pula, wujud sedikit keunikan dalam proses pemilihan pucuk pimpinan kerana ia telah diatur begitu rapi untuk memastikan keputusan seperti yang dirancang dapat dicapai.

Apabila Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew melepaskan jawatan pada 1990 kepada Goh Chok Tong, ramai yang membuat andaian bahawa pemilihan itu hanya bayangan atau jawatan sementara untuk memanaskan kerusi bagi kemunculan dan penyerahan jawatan kepada anak Kuan Yew iaitu Lee Hsien Loong.

Andaian ini dikuatkan lagi dengan pelantikan Kuan Yew sebagai Menteri Kanan yang mempunyai pengaruh kuat dalam Kabinet kerajaan pimpinan Chok Tong.

Jika mengikut konsensus Kabinet Singapura pada 1990, Tony Tan Keng Yam adalah calon yang lebih popular berbanding Chok Tong. Tetapi oleh kerana Kuan Yew berkeras ingin melantik Chok Tong sebagai Perdana Menteri maka menteri Kabinet lain terpaksa akur dengan keputusan yang ditetapkan.

Setelah 13 tahun berlalu, apa yang diandaikan rakyat Singapura dan yang telah dirancang oleh Kuan Yew akhirnya menjadi kenyataan. Ketika menyampaikan perutusan Hari Kemerdekaan Singapura beberapa hari lalu, Chok Tong secara terbuka membincangkan secara panjang lebar pengganti beliau iaitu Lee Hsien Loong.

Hsien Loong besar kemungkinan akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Chok Tong pada 2005, iaitu dua tahun sebelum pilihan raya umum dijalankan.

Mengikut Chok Tong, Hsien Loong memerlukan dua tahun untuk memantapkan corak kepemimpinan sebelum menghadapi pilihan raya, sebab itu peralihan kuasa perlu dilakukan lebih awal.

Seperti mana corak kepemimpinan Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdullah adalah berbeza, corak kepemimpinan Chok Tong dan Hsien Loong juga ada perbezaannya. Gaya kepemimpinan kedua-dua pemimpin Singapura ini begitu jauh berbeza sekali dan amat ketara sehinggakan rakyat Singapura begitu was-was dan cemas menanti 2005.

Kepemimpinan Chok Tong dianggap lebih mesra dan sanggup menerima pandangan orang lain tidak seperti Kuan Yew yang lebih tegas dan keras. Hsien Loong walaupun tidak mempunyai ciri kepemimpinan bapanya, dianggap mempunyai sifat tegas dan keras seperti bapanya.

Berbeza dengan Chok Tong yang mempunyai latar belakang sebagai teknokrat, Hsien Loong pula mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ketenteraan.

Sebelum menceburi politik pada 1984, beliau berkhidmat dengan Angkatan Tentera Singapura (SAF) selama 13 tahun. Hsien Loong meninggalkan SAF dengan pangkat Brigadier Jeneral.

Seperti mana Singapura mengatur strategi untuk menghadapi Abdullah yang bakal menjawat jawatan Perdana Menteri, Malaysia juga perlu mengatur

strategi bagaimana untuk mengurus dengan Hsien Loong.

Ini kerana strategi seperti yang diamalkan pada era Chok Tong tidak semestinya akan berjaya kerana kedua-dua pemimpin ini mempunyai corak pemikiran yang amat berbeza.

Jika diteliti cara Malaysia menangani masalah yang terbit dari isu penetapan kadar harga air dan polemik pembangunan Gerbang Selatan Bersepadu (GSB), maka pada asasnya Malaysia sudah pun berada pada landasan yang betul.

Keputusan Malaysia untuk menyelesaikan masalah kadar air melalui proses timbang tara dianggap sebagai strategi yang bijak kerana jika dibiarkan berlarutan, lebih-lebih lagi jika Hsien Loong adalah Perdana Menteri Singapura, maka besar kemungkinan mereka akan menikmati kadar 3 sen sehingga 2061.

Keputusan Kerajaan Malaysia untuk meneruskan projek pembangunan GSB tanpa membabitkan Singapura dalam melaksanakan pembinaan jambatan yang terpaksa tidak lurus bagi menggantikan Tambak Johor dilihat sebagai strategi klasik menghadapi kerenah kepemimpinan baru Singapura.

Projek GSB yang menelan belanja sehingga RM1.1 bilion terdiri daripada pembangunan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Terminal JB Sentral, jambatan darat dan kereta api adalah kritikal dilaksanakan secepat mungkin bukan saja untuk kemakmuran ekonomi Johor, bahkan Malaysia.

Dari sudut strategi, Singapura akan berada pada kedudukan yang tidak selesa jika pembangunan GSB siap sepenuhnya. Ini kerana penghapusan Tambak Johor (bahagian Malaysia) dikatakan sebagai akan memberi nafas yang lebih segar kepada kemajuan dua pelabuhan utama Johor iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Ini kerana pemindahan kargo di antara kedua-dua pelabuhan ini dapat dilakukan dengan lebih efisien melalui jalan laut.

Tetapi, apa yang lebih penting ialah pembangunan GSB mampu memulihkan sistem-eko Selat Tebrau melalui pengaliran air yang lebih bebas.

Sistem-eko Selat Tebrau dianggap sebagai kritikal untuk menentukan kejayaan projek Danga Bay dan Pantai Lido. Kedua-dua projek yang merangkumi seluas 1,600 ekar ini mampu menjadikan bandar raya Johor Bahru sebagai kota terapung seindah kota terapung Sydney, San Francisco, Vancouver dan Venice.

Singapura tidak mahu ini berlaku kerana mereka bimbang rakyat mereka akan berpusu-pusu berkunjung ke Malaysia dan ini sudah tentu akan merugikan ekonomi republik itu.

Perlu diingat bahawa Malaysia adalah tempat popular yang kedua selepas Australia bagi rakyat Singapura berhijrah dan menetap apabila bersara.

Pemimpin Singapura amat bimbang kerana melihatkan apa yang telah terjadi kepada Hong Kong. Shenzen yang terletak di Tanah Besar China dan berhampiran Hong Kong adalah daya tarikan utama kepada penduduk Hong Kong untuk aktiviti harian mereka seperti membeli-belah dan makan minum.

Walaupun pelbagai sekatan dilakukan untuk menyusahkan penduduk Hong Kong melawat Shenzen, usaha ini tidak berjaya kerana daya tarikan terlalu kuat.

Apa yang berlaku kepada Hong Kong berikutan daya tarikan dan keistimewaan Shenzen, mungkin boleh juga berlaku kepada Singapura kerana daya tarikan Johor Bahru. Inilah satu hakikat yang bakal dihadapi oleh pemimpin Singapura.

Berdepan dengan masalah pengangguran yang mencakupi sehingga 85,000 orang iaitu menghampiri kadar pengangguran lima peratus, kerugian dua tunjang ekonomi iaitu syarikat penerbangan SIA dan Pelabuhan PSA, bakal pemimpin Singapura sudah tentu akan merangka pelbagai strategi supaya pengaliran keluar wang tidak berlaku.

Dalam jangka masa terdekat Malaysia akan menghadapi pelbagai tekanan dan

strategi yang lebih hebat dari Singapura kerana pemimpin mereka akan melakukan apa saja untuk menyelamatkan ekonomi republik itu dari terus merudum. Malaysia seharusnya sudah bersedia menghadapi cabaran ini.